

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. KELVIN YII LEE WUEN
[BANDAR KUCHING]**

TARIKH : 16 NOVEMBER 2020 [ISNIN]

SOALAN

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan tentang pelan Kementerian untuk membina lebih rumah mampu milik di Kuching dan seluruh Sarawak. Apakah status penyelesaian pembeli-pembeli awal Perbadanan PR1MA yang telah mengalami kerugian kewangan akibat rebate yang dikenakan untuk pembeli lain di bawah Kempen Pemilikan Rumah (HOC) pada tahun 2019.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, antara pelan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk membina lebih banyak Rumah Mampu Milik (RMM) di seluruh negara termasuk Kuching, Sarawak ialah melalui penyelarasan RMM di bawah program dan skim perumahan seperti berikut:

- (a) Program Perumahan Rakyat (PPR);
- (b) Perumahan Penjawat Awam Malaysia (PPAM);
- (c) Skim Perumahan Mampu Milik Swasta (MyHome);
- (d) Perumahan PR1MA; dan
- (e) Program Perumahan Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB).

Program Perumahan Rakyat (PPR)

2. Sehingga 30 September 2020, sebanyak 11 projek PPR yang melibatkan 5,252 unit rumah telah siap dan sedang dibina di Sarawak. Daripada jumlah tersebut, 8 projek PPR merangkumi 4,140 unit rumah telah siap dibina dan 3 projek PPR masih dalam pembinaan yang melibatkan 1,112 unit rumah. Senarai projek PPR di Negeri Sarawak sehingga 30 September 2020 adalah seperti berikut:

Bil.	Projek Siap	Bil. Unit	Kos Projek (RM)
1.	PPR Sri Wangi	200	13,972,794.00
2.	PPR Batu 5	816	59,833,300.00
3.	PPR Batu Gong, Siburan	500	43,500,000.00
4.	PPR Seduan	500	63,500,000.00
5.	PPR Kemena	1,000	131,500,000.00
6.	PPR Lambir	505	88,700,000.00
7.	PPR Samarahan	180	32,850,000.00
8.	PPR Sg. Tengah	439	74,630,000.00
Jumlah		4,140	508,486,094.00

	Dalam Pembinaan	Bil. Unit	Kos Projek (RM)
1.	PPR Petrajaya	208	38,100,000.00
2.	PPR Landeh	443	82,672,242.00
3.	PPR Seduan, Sibü	461	99,330,400.00
Jumlah		1,112	220,102,642.00

Perumahan Penjawat Awam Malaysia (PPAM)

3. Sehingga Oktober 2020, sebanyak 7 projek PPAM yang melibatkan 1,793 unit rumah dalam pelbagai peringkat pembinaan di Sarawak. Daripada jumlah tersebut, 2 projek PPAM merangkumi 544 unit rumah telah siap dibina, 3 projek PPAM masih dalam pembinaan yang melibatkan 711 unit rumah dan 2 projek PPAM dengan 538 unit PPAM masih dalam peringkat kelulusan pelan bangunan serta perancangan. Senarai projek PPAM di Negeri Sarawak adalah seperti berikut:

BIL	LOKASI	STATUS	BILANGAN UNIT
1.	Muara Tuang	Siap	340
2.	Miri (Eastwood Valley)	Siap	204
3.	Kota Samarahan	Dalam Pembinaan (86.95%)	300
4.	Sibu	Dalam Pembinaan (53.60%)	219
5.	Tabuan Jaya	Dalam Pembinaan (50.70%)	192
6.	Matang	Kelulusan Pelan Bangunan	198
7.	Miri (Jalan Pujut)	Perancangan	340
JUMLAH			1,793

Perumahan PR1MA

4. Untuk makluman Yang Berhormat, setakat 21 Oktober 2020, terdapat 2 projek PR1MA yang telah siap dibina di Sarawak iaitu Residensi Matang dan Residensi Bintawa Riverfront, manakala 1 projek sedang dalam pembinaan iaitu Residensi Semenggoh Fasa 1. Selain itu,

terdapat satu projek PR1MA yang sedang dalam perancangan untuk dibangunkan pada masa hadapan iaitu Residensi Semenggoh Fasa 2 dengan jumlah 702 unit kediaman.

5. Turut disertakan status terkini bagi projek-projek PR1MA sedia ada di Sarawak seperti berikut:

Bil	Nama Projek	Lokasi	Bil. Unit	Status (Oktober 2020)	Tarikh Siap/ Jangka Siap
1.	Residensi Matang	Petra Jaya	912	Siap	28 Januari 2019
2.	Residensi Bintawa Riverfront	Bandar Kuching	1,320	Siap	3 Januari 2020
3.	Residensi Semenggoh	Mambong	Fasa 1 - 558	Dalam Pembinaan (94.92%)	31 Disember 2020
			Fasa 2 - 702	Dalam Perancangan	-
		JUMLAH	3,492		

6. Untuk makluman Yang Berhormat, satu perjumpaan di antara YB Menteri KPKT bersama pembeli-pembeli awal rumah PR1MA telah diadakan pada 7 November 2019. Objektif perjumpaan tersebut adalah untuk memberi peluang kepada pembeli-pembeli awal rumah PR1MA memberikan maklum balas secara langsung kepada YB Menteri KPKT. Maklum balas dan cadangan daripada pembeli-pembeli awal pada perjumpaan tersebut telah dikumpulkan untuk diteliti oleh PR1MA.

7. Walau bagaimanapun, buat masa ini terdapat beberapa pembeli awal yang membuat tuntutan mahkamah yang masih lagi dalam peringkat penelitian dan pertimbangan mahkamah. Justeru, sebarang keputusan berkenaan perkara ini tertakluk kepada keputusan mahkamah yang akan diketahui kelak.

Program Perumahan SPNB

8. Untuk makluman Yang Berhormat, SPNB menawarkan 2 jenis program perumahan di negeri Sarawak iaitu Program Kediaman SPNB dan Rumah Mesra Rakyat (RMR).

9. Statistik pembinaan program Kediaman SPNB adalah seperti berikut:

Bil.	Nama Pembangunan	Status	Bil Unit
1.	Vista Ilmu, Kota Samarahan	Telah Siap	1,152
2.	Vista Perdana, Miri (Fasa 1)	Telah Siap	963
3.	Vista Perdana, Miri (Fasa 2)	Telah Siap	789
4.	Vista Perdana, Miri (Fasa 3)	Dalam Perancangan	951
5.	Vista Wawasan (Fasa 2 – 6), Kuching	Dalam Perancangan	1,553
JUMLAH UNIT			5,408

10. Bagi Program Rumah Mesra Rakyat (RMR) pula, di negeri Sarawak, program ini dilaksanakan melalui kerjasama SPNB dan Perbadanan Perumahan Sarawak (HDC). Berdasarkan semakan, sebanyak 4,677 permohonan telah diterima. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 1,936 (42%) permohonan telah diluluskan iaitu 1,422 unit rumah telah siap dibina dan baki 514 unit adalah di dalam pelbagai peringkat pelaksanaan. Manakala 2,253 permohonan telah ditolak disebabkan tidak mematuhi syarat-syarat kelayakan. Sebanyak 488 permohonan pula masih dalam proses penilaian (dinilai layak) bagi negeri Sarawak pada masa kini.

Sekian, terima kasih.